

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
(SUNGAI BULOH)**

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap tahun dari 2015 – 2019 bilangan-bilangan tangkapan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Istimewa) (SOSMA) 2012, pembebasan selepas tangkapan tanpa pendakwaan, pendakwaan, sabitan selepas bicara, pembebasan selepas bicara dan jenis kesalahan yang didakwa dengan pecahan untuk orang asing dan negara asal mereka, sekiranya ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh dari tahun 2015 sehingga tahun 2019, seramai 1,685 orang telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) 2012. Daripada jumlah tersebut, 470 tangkapan kerana terlibat dengan sindiket penyeludupan manusia dan pemalsuan dokumen, 422 tangkapan ke atas anggota kumpulan militant Islamic State @ Daesh, 66 tangkapan ke atas anggota lain-lain kumpulan pengganas, 601 tangkapan kerana terlibat dengan aktiviti gangsterisme, 62 tangkapan atas kesalahan samun berkawan dan 64 tangkapan kerana terlibat dengan pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran.

Daripada jumlah tersebut, seramai 264 orang berada dalam proses pendakwaan dan 592 orang lagi telah dituduh di mahkamah. Dari segi kewarganegaraan, seramai 277 merupakan warga asing. Antara warga asing yang ditangkap adalah dari Bangladesh, Sri Lanka, Myanmar dan Indonesia.